

SIARAN BERITA



**NESTLÉ CATAT KEPUTUSAN S1 POSITIF
DIPACU PERMINTAAN DOMESTIK**

SOROTAN PENTING

- Peningkatan sebanyak 4.1% dalam perolehan domestik didorong oleh kejayaan pelancaran produk-produk baru dan juga kejayaan kempen promosi pengguna "Lebih Nilai, Lagi Hebat".
- Perolehan keseluruhan RM1.3 bilion, peningkatan sebanyak 0.4% berbanding suku tahun yang sama tahun lepas.
- Untung operasi suku tahun yang dilaporkan naik 3.1%, manakala untung bersih bertambah 2.4% kepada RM187.9 juta berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas.

PETALING JAYA, 20 April, 2015 – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi mantap pada suku pertama tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2015, dengan perolehan RM1.3 bilion, kenaikan 0.4% berbanding suku tahun yang sama tahun lepas.

En. Alois Hofbauer, Pengarah Urusan, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Kami gembira kerana walaupun sentimen pengguna keseluruhan tidak begitu kukuh, Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan pertumbuhan stabil. Peneraju utama ialah kempen promosi di seluruh negara yang dilancarkan pada akhir Februari, yang menjana pertumbuhan mantap bagi kategori produk utama. Kempen ini ialah langkah proaktif yang memberi jaminan kepada pengguna Nestlé bahawa mereka akan menerima nilai lebih hebat untuk produk kegemaran mereka, bagi menangani ketidakpastian yang wujud tentang perubahan harga sebelum pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)."

“Pada suku tahun yang dilaporkan, Kumpulan telah berjaya melancarkan produk baru termasuk NESCAFÉ BLEND & BREW, KIT KAT RUBIES dan MAT KOOL BUTTERFLY, yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pasaran.”

Pertumbuhan pada suku tahun yang dilaporkan adalah sederhana disebabkan oleh kemerosotan jualan eksport yang timbul daripada pengurangan permintaan daripada syarikat gabungan. Namun begitu, kesan kemerosotan adalah lebih rendah berbanding dengan suku tahun sebelumnya, dan menunjukkan tanda-tanda kestabilan.

Tambahan lagi, harga komoditi pada suku tahun yang dilaporkan adalah lebih rendah secara keseluruhan berbanding dengan suku tahun yang sama tahun kewangan sebelumnya, kecuali minyak sawit dan biji kopi. Walaupun kemerosotan Ringgit terhadap Dolar AS tetap memberi kesan, trend komoditi yang lebih positif serta kecekapan operasi yang lebih tinggi menghasilkan kenaikan 5.3% dalam untung kasar, yang menunjukkan peningkatan dari segi margin asas.

Kumpulan juga telah meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pemasaran dan promosi, yang memacu pertumbuhan pasaran. Peningkatan perolehan dengan margin lebih tinggi telah menambah untung operasi kepada RM250.9 juta, 3.1% lebih tinggi berbanding suku tahun sama tahun sebelumnya, manakala untung bersih berjumlah RM187.9 juta telah dicatatkan, mencerminkan peningkatan 2.4% yang disebabkan oleh belanja faedah yang lebih tinggi.

Tinjauan pada 2015

En Hofbauer menambah, “Kami gembira untuk memulakan tahun kewangan dengan kukuh, walaupun dalam suasana pasaran yang sukar. Tahun yang mendatang dijangka mencabar, terutamanya kerana permintaan pengguna terjejas akibat pelaksanaan GST, yang memerlukan tempoh pelarasannya sebelum permintaan pengguna kembali normal. Bagaimanapun, berlandaskan kekuatan ekonomi Malaysia, kami terus yakin terhadap prospek jangka panjang, dan kami memberi tumpuan terhadap rancangan strategik untuk meningkatkan hasil dan untung sambil meluaskan kapasiti pengilangan.”

“Untuk tujuan ini, Kilang Sri Muda baru kami di Shah Alam kini telah siap dan bersedia untuk beroperasi sepenuhnya menjelang Ogos 2015, dan ini pasti akan membuka peluang baru bagi Kumpulan.”

“Pada masa depan, kami akan terus meningkatkan pelaburan pemasaran dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi portfolio produk inovatif kami. Salah satu produk menarik yang baru kami lancarkan ialah MILO Nutri G, yang mengandungi bijirin penuh daripada beras perang, gandum, oat dan barli yang sesuai dijadikan sarapan segera. Produk ini, antara pelbagai produk lain, adalah sejajar dengan objektif Nestlé untuk menjadi pemimpin dalam bidang Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan,” rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my